

Headline	Permintaan cendawan tinggi, lumayan	Language	MALAY
Date	19. May 2008	Page No	16
Media Title	Utusan Malaysia	Article Size	568 cm2
Section	Dlm Negeri	Frequency	Daily
Circulation	238082	Color	Full Color
Readership	833287		



PARA peserta Bengkel Sehari Pratonan Penanaman Cendawan Tiram Kelabu dengan kerjasama UPM dan Agro Bank di Serdang, Selangor, semalam.

Permintaan cendawan tinggi, lumayan

Rakyat Malaysia menyedari khasiat makan cendawan mampu mencegah kanser dan ketumbuhan, mengawal tekanan dan meningkatkan sistem imunisasi tubuh

SALBIAH MD. TAP
Pegawai Pertanian
merangkap Ketua Seksyen
Penyelidikan dan
Agroteknologi
TPU

Oleh **HASNURUL MOHAMED**

SERDANG 18 Mei - Malaysia mengimport lebih 16.2 juta kilogram cendawan tiram bernilai RM50.4 juta sepanjang tahun lepas bagi memenuhi permintaan rakyat negara ini.

Pada tahun lalu, rakyat Malaysia makan 8,100 tan cendawan sedangkan pengusaha cendawan tempatan mampu mengeluarkan 5,500 tan cendawan sahaja.

Pegawai Pertanian merangkap Ketua Seksyen Penyelidikan dan Agroteknologi, Taman Pertanian Universiti (TPU), Universiti Putra Malaysia (UPM), **Salbiah Md. Tap** mengakui terdapat permintaan yang tinggi terhadap cendawan.

"Secara keseluruhannya, jika dilihat jumlah cendawan yang dimakan oleh orang Malaysia ialah 324 gram seorang dalam setahun.

"Oleh kerana itu, apabila kita ada defisit pengeluaran sebanyak 2,600 tan, usaha sedang dijalankan untuk meningkatkan produktiviti cendawan bagi kegunaan dalam negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan ceramah bertajuk *Kaedah Asas Pengeluaran Cendawan* pada Bengkel Sehari Pratonan Penanaman Cendawan Tiram Kelabu anjuran bersama Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional (APEEC) UPM, *Mega-Utusan Malaysia* dan AgroBank, di sini hari ini.

Mega merupakan sisipan *Utusan Malaysia* yang diterbitkan setiap minggu dari hari Isnin hingga Jumaat dan menyiarkan artikel pertanian pada hari Jumaat.

Turut hadir, Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu, Datuk Khalid Mohd; Pengarah APEEC, Prof. Dr. Azimi Hamzah dan Pengurus Kanan Institut Latihan Pembangunan AgroBank, Zainal Abidin Yahya.

Salbiah berkata, dari aspek kesihatan, rak-

yat Malaysia menyedari khasiat makan cendawan mampu mencegah kanser dan ketumbuhan, mengawal tekanan dan meningkatkan sistem imunisasi tubuh.

Shubungan itu, katanya, negara menyarankan peningkatan pengambilan cendawan oleh rakyat Malaysia sebanyak dua kilogram setahun.

"Jadi, dengan penggunaan bioteknologi cendawan, pada masa akan datang kita menjangka dapat meningkatkan pengeluaran cendawan kepada 50,000 tan setahun," katanya.

Beliau menambah, pengusaha cendawan boleh mendapatkan benih-benih cendawan yang berkualiti dan tidak perlu bimbang untuk memasarkannya kerana jiran seperti Singapura amat mengalu-alukan cendawan dari sini.

Beliau berkata, kaedah pembungkusan yang betul menjadi faktor penentuan sama ada tempoh hayat cendawan boleh bertahan antara tujuh hingga 10 hari.



SALBIAH MD. TAP